

17/10/2000

Budaya didik rakyat harga tumbuh-tumbuhan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan menjadikan amalan penanaman pokok sebagai budaya baru bagi mendidik masyarakat agar lebih menghargai tumbuh-tumbuhan dan tidak merosakkan alam sekitar dengan sewenang-wenangnya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding berkata, rakyat perlu memandang serius peringatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar semua pihak tidak memotong bukit dan menebang pokok dalam menjalankan projek pembangunan.

Law berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan Sijil ISO/IEC 17025 yang pertama di Malaysia kepada Sime Darby Technology Centre Sdn Bhd (SDTC) sempena Majlis Sambutan Hari Standard Sedunia di sini, hari ini.

SDTC dibangunkan bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pelbagai bidang perusahaan, terutama membabitkan barangan yang dihasilkan daripada pemprosesan getah.

Turut hadir, Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob; Pengarah Penyelidikan SDTC, Dr Abdul Kadir Mohamed dan Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Mariani Mohammad.

Law berharap pihak swasta dapat mewujudkan lebih banyak lagi pusat seumpama itu untuk meningkatkan daya saing dalam era globalisasi.

Beliau berkata, SDTC mengalu-alukan pengguna lain, yang terdiri daripada pengusaha industri berkaitan, menggunakan kemudahan di pusat itu dengan kadar bayaran berpatutan.

Selain itu, katanya, hasil R&D yang dijalankan terhadap produk yang diperbuat daripada getah, dapat memastikan pasarannya menerima sambutan lebih menggalakkan pada peringkat antarabangsa.

(END)